

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI
DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman AES/AWAS yang direkodkan sejak 2018 sehingga Disember 2019 dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikutip sehingga kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 17 Ogos 2018 telah bersetuju supaya Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengambil alih semua operasi kamera AwAS mulai 01 September 2018. Pengambil alihan ini meliputi aspek pengoperasian, pembangunan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan sistem AwAS.

2. Jumlah saman AES/AwAS yang direkodkan bermula 01 September 2018 sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak **169,315** saman dan jumlah kompaun yang telah dikutip sehingga kini adalah sebanyak **RM 6,912,300.00**.

Sekian, terima kasih.